

Tanda taubat diterima, hati sudah tawar untuk mengulangi dosa

TM

SOLOUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

2012 | PP 15048/05/2013 (032162) |

• MOTIVASI • FARDU AIN •



ISU No.

46

Kisah Labu dan Butang Baju

Anas bin Malik ra. menceritakan: "Seorang tukang jahit mengundang Rasulullah s.a.w. menghadiri satu jamuan yang hidangan tersebut dimasak sendiri olehnya. Saya menemani Rasulullah s.a.w. menghadiri jamuan tersebut. Tuan rumah mendekati kepada Baginda s.a.w. roti serta kuah berisi labu dan daging. Saya melihat Baginda mencari-cari labu di dalam mangkuk tersebut. Maka sejak itu saya menyukai labu."

Selanjutnya di hlm. 67



> Syukur Kita Dapat Melihat

hlm. 92

> Rujuk Melalui SMS?

hlm. 76

> Catatan Rihlah di Bumi al-Quds

hlm. 32

> Allah Takdirkan Saya Buat Maksiat?

hlm. 101

Taubat sebelum Terlambat



Orang yang boleh segera bertaubat hanyalah orang yang merasakan keagungan Allah, takut kepada-Nya dan mengharapkan keampunan-Nya. Bukan kerana takut penyakit, atau sudah tidak berupaya atau tidak bertenaga, atau untuk selamat daripada dipenjarakan atau takut dihukum, tetapi taubat yang ikhlas semata-mata kerana Allah.

ISSN 1985-5400



9 771985 540003

TELAGA BIRU SDN. BHD.

> 46

RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (S/S)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
(Incorporated in Malaysia)



Imbas kod
untuk ke
Facebook
Majalah
Solusi


Sebuah
terbitan

Telaga Biru

RASUAH

dan

AKIDAH



Dalam menjalankan perniagaan, kedengaran keluhan terpaksa bagi "under-the-table" money (rasuah) baru dapat projek atau tender. Persoalannya, adakah perbuatan sebegini dilihat menjejaskan akidah kepada Allah sebagai Yang Maha Berkuasa dan Pemberi Rezeki kepada makhluknya?

Gejala rasuah sememangnya menjauhkan mereka yang terlibat daripada Allah. Setiap kali dilakukannya, mereka semakin jauh daripada rahmat dan keberkatan kurniaan Allah. Kesannya, harta dan wang yang mereka peroleh kering daripada keberkatan yang seterusnya akan mempengaruhi hati dan jiwa

sesiapa sahaja yang terlibat menikmati harta haram terbabit. Hari demi hari, mereka akan terasa semakin berat untuk melaksanakan ibadah, semakin mencintai dunia dan gemar akan maksiat. Itulah akibat harta yang tiada keberkatan.

Daripada keadaan buruk itu, sememangnya tidak dinafikan dosa yang mengeras di hati dan jiwa akan mula mengikis pegangan akidah seseorang. Keyakinannya bahawa Allah Pemberi rezeki akan mula terhakis sedikit demi sedikit. Inilah kesan orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhan sebagaimana yang disebut oleh Allah s.w.t.

Kerana itu Nabi mengajar kita untuk membaca setiap kali selepas solat:

اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ،
وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ.

Maksudnya: "Wahai Tuhan kami, tiada sesiapa boleh menahan apa yang ingin

engkau berikan, dan tiada sesiapa boleh memberikan apa yang engkau tahannya serta tiada daya dan guna lagi ketika itu pemilikan orang yang kaya (untuk pengaruhi penahanan dan kebenaran Allah)." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Juga penegasan Nabi s.a.w. ini, mafhumnya: "Seluruh umat jikalau mereka berpadu untuk memberi manfaat kepadamu, tidak akan mampu memberi manfaat kecuali dengan apa yang telah ditakdirkan oleh Allah untukmu. Sekiranya mereka berpadu untuk memudaratkanmu, tiada keburukan yang mampu menimpamu kecuali apa yang telah ditakdirkan ke atasmu." (Riwayat al-Tirmizi)

Demikianlah, pentingnya menyedari dan menginsafi bahawa pendapatan dan **rezeki kita tidak akan lari dan tidak boleh dirampas oleh orang lain**. Juga amat penting sentiasa meyakini kekuasaan Allah dalam seluruh pendapatan dan rezeki. Jangan sekali-kali terpesong akidah kerana ujian dunia dan manusia.

Situasi Sekarang

Sememang kita faham bahawa terdapat kontraktor dan peniaga yang baik-baik, namun dizalimi kerana tidak bersetuju untuk menyogok pegawai tertentu.

Akibatnya, syarikatnya terus gersang daripada tender dan kontrak, sedang syarikat mempunyai pekerja yang perlu dibayar gaji dan aset yang perlu diurus tadbir. Semuanya memerlukan kos.

Jika keadaan seperti itu berterusan untuk jangka masa tertentu yang lama, tentunya syarikat terpaksa ditutup dan pekerja terpaksa dibuang. Pastinya ahli keluarga juga akan turut merana kerana itulah sumber perniagaan mereka. Itulah yang sering terbayang di minda, namun tanpa disedari, bayangan negatif sememangnya cepat muncul. Ada kalanya ia dikawal oleh nafsu dan mainan syaitan yang cuba mengubah persepsi kita supaya pendapatan yang haram dipandang seolah-olah tidak haram.

Sepatutnya pihak syarikat perlu bertindak lebih kreatif dan berusaha untuk mempelbagaikan cara kempen dan jualan agar ia tetap mampu terus berada di atas landasan urus niaga yang halal. Walaupun pendapatan mungkin hanya sedikit, namun kerana keberkatan daripada yang sedikit itulah, pasti akan membuahkan pulangan yang lumayan dalam bentuk yang pelbagai pada masa hadapan. Datangkan perasaan positif pada saat menghadapi sesuatu yang negatif, agar keyakinan yang masih berbekal dapat dijana sebaiknya untuk bergerak ke hadapan.

Baiklah, andaikan situasi benar-benar dalam keadaan hampir bankrap, tiada jalan lain yang terdekat untuk memasarkan produk dan hasil khidmat syarikat kecuali dengan memperoleh kontrak melalui jalan sogokan atau "duit kopi". Hanya ketika ia benar-benar yakin bahawa keburukan sebegitu akan berlaku, barulah menurut para ulama Islam berdasarkan pelbagai dalil, sogokan dikira suatu *hajiyyat* yang terpaksa dilakukan bagi mengelakkan kezaliman. *Hajiyyat* ialah apa-apa yang diperlukan oleh manusia untuk mendapat kebajikannya dan mengatur semua perkara kepada keadaan yang lebih baik.

Contohnya seorang rakyat Malaysia dipenjarakan secara zalim di luar negara dengan tuduhan palsu, kemudian polis mereka meminta sogokan jika ingin bebas. Tat kala itu, dari sudut hukum dibolehkan untuk memberi dan tiada dosa ke atas pemberi, namun dosa akan ditanggung sepenuhnya oleh penerima dan peminta. Hal ini disebutkan oleh Imam al-Shawkani.

Sheikh Dr. Yusuf al-Qaradawi menjelaskan: "Sesiapa yang kehilangan haknya, namun tidak mungkin

mendapatkannya kembali kecuali dengan jalan sogokan atau akan berlaku kezaliman ke atasnya kecuali terpaksa memberi suapan wang, walaupun adalah lebih utama untuknya bersabar, namun jika tiada pilihan kecuali dengan menyogok wang, ketika itu yang berdosa ialah penerima sogokan sahaja." (*Nayl al-Awtar*, jil. 8, hlm. 622; *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, hlm. 301)

Keadaan di atas berdasarkan hadis riwayat Abu Ya'la dan Ahmad.

Jika dilihat di atas kertas, sudah tentunya pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) boleh mengambil tindakan, namun masalah yang wujud

Jika mereka sengaja menjadikannya sebagai alasan untuk terus meraih kontrak dan tender serta meraih keuntungan yang berlipat kali ganda, mereka tidak sama sekali tergolong dalam kumpulan yang diberi keringanan untuk menyogok. Malah ketika itu mereka ialah manusia yang terus-menerus menyogok sistem rasuah dan memakmurkannya. Bergandalah dosa si pemberi rasuah terbabit kerana kesudian mereka memberi rasuah, berterusan membuatkan peminta rasuah berasa berani dan seronok dengan amalan dosa mereka.

Nabi s.a.w. mengingatkan dalam hadis yang sahih, mafhumnya: "Takutlah kamu kepada Allah dan indahkan pencarian

Hilang Punca Rezeki?

Adapun berkenaan, ungkapan "tiada urus niaga yang boleh didapati tanpa rasuah" yang sering digunakan oleh usahawan zaman ini, saya nasihatkan agar membaca erti firman Allah ini:

"Wahai orang yang beriman, sesungguhnya orang Musyrik itu najis (kerana mempersekutukan Allah), maka janganlah benarkan mereka memasuki Masjidil Haram sesudah tahun ini (iaitu tahun 9 Hijrah). Dan jika kamu khuatir menjadi miskin (kerana larangan ini akan menyebabkan hilangnya punca perniagaan bagi orang Islam di Makkah), maka Allah akan memberikan kekayaan kepadamu di tanah kurniaan-Nya, jika dia menghendaki demikian. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Bijaksana." (*Surah al-Tawbah* 9: 28)

Lihatlah, bagaimana Allah menginginkan umat Islam berpegang dengan arahan dan prinsip walaupun dari sudut zahirnya kelihatan akan membawa kerugian (atau tidak mendapat kontrak), Allah menguji keimanan umat Islam terhadap keyakinan mereka bahawa pemberi rezeki ialah Allah selagi kamu bertakwa.

hari ini, pihak yang meminta rasuah amat bijak dan licik sehingga amat sukar untuk mereka yang dizalimi tadi memperoleh sebarang bukti bertulis atau rakaman jelas untuk disabitkan kesalahan rasuah.

Jangan Bermudah-Mudahan

Pun begitu, jangan ada sesiapa yang bermain-main dari sudut hukum dan undang-undang sewenang-wenangnya untuk menghalalkan yang haram tanpa justifikasi sebenar. Ingatlah, hari ini mungkin mereka boleh menjustifikasikan kononnya mereka terdesak, *hajiyyat* atau dizalimi, namun di alam barzakh kelak, kebenaran akan terlihat jelas.

rezekimu (cara halal). Jangan disebabkan kelewatan kamu mendapat rezeki, kamu mencarinya dengan melakukan maksiat kepada Allah. Sesungguhnya ia (rezeki) itu di sisi Allah, dan kamu tidak akan dapatnya (rezeki berkat) kecuali melalui ketaatan kepadanya." (Riwayat al-Nasa'i) ❏



Mendapat (jazah B.A Usuluddin (UM), M.A (Fiah dan Usul Fiah) dari Universiti al-Yarmouk, Jordan dan PhD (Islamic Finance) dari University of Wales, UK. Mendapat Ijazah Ibtidaiyyah dari Dr. Yusuf al-Qaradawi. Antara guru beliau, Sheikh Dr. Abd Sattar Abu Ghadiah dan Sheikh Muhammad Ujlah. Kini sebagai Penolong Profesor di UIAM, Ahli Lembaga Pengarah al-Naqiy Islamic Solution Sdn. Bhd., Ahli Majlis, Institut Perbankan & Kewangan UIAM, Pensehatar Shariah bagi Al-Rajhi Bank, ACR Retakafu Bahrain, Yasmin Holdings dan beberapa syarikat korporat di Malaysia. Layari www.zaharuddin.net

DR. ZAHARUDDIN ABD. RAHMAN